

# Kembara Dunia Media Komunikasi

Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
aisyahub@gmail.com

**W**ALAUPUN baru diadakan buat pertama kali, namun Program Lawatan Kembara Dunia Media Komunikasi 2010 anjuran pelajar tahun tiga kursus Komunikasi (Kewartawanan dan Penyiaran) dianggap berjaya mencapai objektif pengjurannya.

Umpama kata pepatah, jauh perjalanan luas pengetahuan, begitulah gambaran yang dapat diperolehi oleh 31 orang pelajar yang terlibat dengan sesi lawatan berkenaan.

Melangkah dari Kepulauan Borneo menuju ke tanah besar Semenanjung dengan membawa segugus harapan besar berasaskan nama Universiti Malaysia Sabah (UMS), tiada apa yang diharapkan melainkan dapat



**PENERANGAN...**Para pelajar mendengar penerangan daripada salah seorang kakitangan ketika lawatan di Filem Negara.

mengumpul seberapa banyak pengalaman sepanjang aktiviti itu dilaksanakan.

Bermula tarikh 6 hingga 11 Disember lepas, rombongan yang turut disertai dua pengiring iaitu Ketua Program Komunikasi UMS, Saat Awang Damit dan wakil Bahagian Perhubungan Korporat (BPK) UMS, Feria Lee ini mengadakan lawatan sambil belajar ke tujuh buah organisasi media termasuk satu rumah kebajikan.

Tujuh organisasi itu termasuklah Karangkraf, Filem Negara, News Straits Times (NST), Jabatan Penyiaran Malaysia, Radio Televisyen Malaysia (RTM), Media Prima Bhd,

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas), Bernama, dan Rumah Kebajikan Ti-Ratana Welfare Society.

Pengarah Program, Albert Thien Kiun Fui berkata, hampir 80 peratus objektif program ini berjaya dicapai selepas selesainya sesi lawatan itu yang mana banyak info serta pendedahan yang diperolehi setiap pelajar.

Menurutnya, lawatan itu bukan sahaja memberi pendedahan meluas terutamanya dari aspek kerjaya, malah ia juga menunjukkan hala tuju dan skop bidang komunikasi dengan lebih terperinci.

“Melihat daripada budaya kerja yang mereka



**MESRA...**Penyampai Hot FM, Ikhwan dan Kiran menunjukkan aksi ketika di konti.

tunjukkan, ia banyak menyuntik semangat kami untuk lebih mendalamai bidang komunikasi dan berhasrat untuk membawa pembaharuan dan diaplikasikan dalam pembelajaran,” katanya ketika ditemui *Utusan Borneo* baru-baru ini.

Tambahnya, mereka turut merasa bangga dengan lawatan itu memandangkan ada beberapa organisasi yang dilawati menerima kunjungan daripada UMS buat pertama kalinya.

Selain itu, Albert



**KENANGAN...**Anak-anak yatim ini tidak ketinggalan untuk merakamkan kenangan bersama para pelajar.



**LANCAR...**Kasim (kanan) bersama tetamu jemputan yang lain ketika pelancaran majlis penghargaan lawatan itu.



menjelaskan, bagi meneruskan kesinambungan program berkenaan, pihaknya bercadang untuk menjadikannya sebagai aktiviti tradisi program Komunikasi.

“Setakat ini, cadangan berkenaan masih dalam proses perbincangan dan sebagai senior, kami akan

memberi panduan kepada pihak junior dari segi cara membuat kertas kerja dan mengadakan perbincangan dengan pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP),” jelasnya.

Bagi Richard Chai iaitu salah seorang pelajar yang menyertai lawatan itu, selain mendapat banyak pendedahan, lawatan itu

juga umpsama bonus kepada mereka kerana bukan semua orang boleh mendapat peluang seperti itu.

Beliau berkata, semua organisasi yang dilawati menyambut baik kehadiran rombongan UMS dan banyak memberi dorongan dengan sokongan untuk meneruskan kerjaya dalam bidang komunikasi.

“Kami juga berpeluang beramah mesra dengan anak-anak yatim dan warga emas di rumah kebajikan Ti-Ratana Welfare Society yang mana banyak pengalaman yang kami perolehi dengan mengadakan aktiviti selama sehari di situ,” katanya.

Richard berharap, para pelajar Komunikasi selepas ini dapat meneruskan tradisi lawatan berkenaan kerana banyak pengetahuan dan kebaikan yang boleh diperolehi dalam mempersiapkan diri melangkah ke alam pekerjaan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Dr Kasim Mansur ketika berucap pada majlis penghargaan sempena lawatan itu berkata, program berkenaan adalah relevan diadakan kerana melalui pengjurannya ia mampu memperkasakan ketrampilan mahasiswa dalam setiap aspek.

Selain itu katanya, ia juga dapat meningkatkan mutu dan tatacara komunikasi para mahasiswa yang terlibat dan boleh diaplikasikan dalam bidang-bidang tertentu terutamanya apabila mencebur ke bidang pekerjaan kelak.



**FOKUS...**Semua menumpukan perhatian ketika kakitangan NST menunjukkan cara sebelum sebuah suratkhabar dicetak.

**ALBERT**



**RICHARD**